

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 16 JUN 2014**

**SOALAN :**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah mengemaskinikan Daftar Pemilih Induk. Setakat manakah maklumat pengundi telah dikemaskinikan pada bulan Mei 2014.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengemaskini dan mewartakan Daftar Pemilih Induk 2013 pada 30 April 2014 yang melibatkan seramai 13,411,163 pemilih. Oleh yang demikian, Daftar Pemilih Induk 2013 merupakan daftar pemilih yang terkini yang dikemaskini oleh SPR.

Sekian. Terima kasih.